

Article Info:

Received Date: 18 September 2020

Accepted Date: 30 November 2020

Published Date: 01 December 2020

Corresponding Author: sjacla@gmail.com

Persepsi Masyarakat Iban terhadap Tenunan Pua Sungkit di Batang Ai

The Iban's Community perceptions of Pua Sungkit Weaving at Batang Ai

Jacqueline Klinsing

Chemaline Usop

Fakulti Bahasa Dan Komunikasi,

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

To cite this article (APA): Klinsing, J., & Usop, C. (2020). The Iban's Community perceptions of Pua Sungkit Weaving at Batang Ai. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 8(2), 21-43. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol8.2.3.2020>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol8.2.3.2020>

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis persepsi masyarakat Iban terhadap tenunan pua sungkit di Batang Ai. Tiga objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti pua sungkit di kawasan Batang Ai, meneliti fungsi pua sungkit dalam kehidupan masyarakat Iban dan melihat perubahan dalam pembuatan pua sungkit yang melibatkan sepuluh buah rumah panjang di Batang Ai, Lubok Antu. Untuk mencapai objektif berkenaan, pengkaji melaksanakan kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan dengan mengaplikasikan teori budaya dan teori seni. Teori budaya berkaitan dengan tradisi dan aktiviti seharian yang dilakukan, manakala teori seni memperlihatkan warisan dan kraftangan yang dihasilkan oleh masyarakat Iban. Sesi temubual dan soal selidik yang dijalankan melibatkan seramai lima puluh orang responden dan empat belas orang informan untuk menerangkan hubungkait di antara penghasilan pua sungkit ini dengan budaya masyarakat Iban. Sesi temubual mendapati beberapa orang informan yang masih sihat sanggup untuk menjadi tenaga pengajar, yang selebihnya tidak mahu kerana telah uzur. Sesi soal selidik pula menunjukkan majoriti daripada responden bersetuju bahawa pua sungkit adalah sebagai pengganti pua kumbu. Dapatan kajian menunjukkan masih ramai dalam kalangan masyarakat Iban yang berminat dan mahir bertenun serta menghasilkan pua sungkit, golongan wanita Iban yang muda kini berikhtiar untuk belajar menenun. Kesimpulannya, warisan tenunan masih relevan dan terpelihara kerana fungsi-fungsi pua sungkit sebagai kelengkapan pakaian tradisional wanita yang unik, sebagai kain khas yang digunakan dalam upacara-upacara ritual keagamaan, sebagai hantaran perkahwinan dan sebagai alat hiasan di rumah. Implikasinya ialah tercetusnya cadangan untuk mewujudkan tempat-tempat latihan menenun, membina laman sesawang sebagai platform pemasaran pua sungkit tempatan, dan menjadikan seni tenunan pua sungkit sebagai salah satu subjek ERT (Ekonomi Rumah Tangga) di sekolah bagi tujuan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya tenunan.

Kata kunci: pua sungkit, tenun, persepsi, pemeliharaan dan pemuliharaan

Abstract

This study aims to analyze the Iban community's perception of pua sungkit weaving in Batang Ai. The three objectives of this study are to identify pua sungkit in the Batang Ai area, examine the function of pua sungkit in the life of the Iban community and see the changes in the making of pua sungkit involving ten longhouses in Batang Ai, Lubok Antu. To achieve these objectives, researchers implement library search and field study by applying cultural and art theory. Cultural theory is related to the traditions, and daily activities performed, while art theory shows the heritage and handicrafts produced by the Iban community. The interview and questionnaire sessions conducted involved a total of fifty respondents and fourteen informants in explaining the relationship between the making of pua sungkit and the culture of the Iban community. The interview session found that some informants who were still healthy were willing to teach; the rest did not want due to their age. The questionnaire session showed that the majority of respondents agreed that pua sungkit is a substitute for pua kumbu. The findings



show that there are still many among the Iban community who are interested and skilled in weaving and producing pua sungkit, the young Iban women are now trying to learn to weave. In conclusion, the weaving heritage is still relevant and preserved because of the functions of pua sungkit as a unique piece of traditional women's clothing, a special fabric used in religious ritual ceremonies, a wedding gift and as a decorative item at home. The implication is that there is a proposal to create a weaving training centre, to build a website as a marketing platform for the local pua sungkit weaving, and make it as one of the elective subjects in schools as to preserve and conserve the weaving cultural heritage.

Keywords: pua sungkit, weaving, perception, maintenance and conservation

PENGENALAN

Pendahuluan

Masyarakat Iban terkenal dengan kreativiti dan kesenian yang tinggi dalam menghasilkan produk tradisional seperti tenunan dan anyaman. Anyaman terbahagi kepada beberapa jenis iaitu 'anyam buah' (jenis-jenis anyaman kelarai yang bermotifkan tumbuhan, haiwan, nama manusia dan abstrak), 'anyam rintai' (satu corak besar anyaman kelarai yang dibuat lebih dari satu kali mengikut lebar tikar tersebut) dan 'anyam biasa' (jenis-jenis anyaman satu, anyaman dua atau anyaman tunggal). Kelarai bermaksud sejenis corak anyaman dan tenunan atau sulaman (suji) yang berbentuk damdam. Tenunan 'pua' terbahagi kepada empat bahagian iaitu 'pua sidan' ('pua karap'), 'pua ikat', 'pua pilih' dan 'pua sungkit' (sulaman). Setiap tenunan ini dibuat menjadi 'pua' (selimut), 'kelambi' (baju) dan kain.

Latar Belakang Kajian

Latar belakang kajian ini menerangkan dari mana asal usul 'pua' dalam kehidupan masyarakat Iban. Sylvia Fraser-Lu (1988, hlm. 145) mengatakan motif tekstil masyarakat Iban banyak dipengaruhi oleh budaya Dongson dan kesenian yang diwarisi daripada Chou yang datang dari negara China. Mengikut cerita dahulu kala, 'pua' dikatakan berasal daripada rumah panjang 'Gelong Batu Nakong' yang terletak di sepanjang tujuh tanjung dan tujuh teluk 'Sungai Gelong'. 'Petara Jawai Ensengai Dayang Kumang', sepupunya 'Lemak Lulong Bintang' dan 'Endu Dara Kelinah' (Indai Abang) mempunyai kemahiran yang tinggi dalam penghasilan tenunan ini. Oleh kerana status dan kepakaran mereka dalam bidang tenunan ini, maka orang 'Panggau Libau' menggelar rumah mereka sebagai 'Gelong Batu Benang'. Kemahiran dan kepakaran mereka membuat tenunan ini telah menarik minat para 'Petara Panggau Libau' untuk memperisterikan mereka contohnya 'Keling' mengahwini 'Kumang' dan 'Laja' mengahwini 'Lulong'. Kemahiran tersebut telah diperturunkan kepada wanita Iban melalui mimpi atau 'pengaruh'. 'Pengaruh' adalah azimat yang mempunyai kuasa untuk membuat sesuatu yang luar biasa yang tidak dapat dilakukan oleh manusia biasa. Hanya terdapat beberapa orang sahaja yang terpilih dalam membuat tenunan ini kerana mereka ini telah mendapat restu dan ilham dalam membuat motif dan corak yang dibenarkan oleh 'Petara Gelong Batu Benang'. Tenunan yang telah siap dan telah mendapat restu dikatakan akan membawa keberkatan dan kesenangan terhadap si penenun dan keluarganya. Kesilapan dalam motif dan corak yang dihasilkan boleh membawa malapetaka kepada si penenun dan keluarganya dan akan mendapat sial, sakit dan boleh mengakibatkan mereka kehilangan nyawa. Tenunan ini dikatakan diwarisi oleh seorang perempuan bernama 'Ragam', iaitu ibu kepada 'Manang Jarai'.

Berdasarkan artikel "Kategori Indu Iban Dulu Menya" dalam Ngingit, Philip Langie (2016, hlm. 122) ia menghuraikan tentang gelaran khas yang diberikan kepada kaum wanita Iban mengikut tahap atau peringkat dalam kemahiran mereka. Dalam kajian ini, pengkaji akan menekankan kepada golongan wanita dewasa sahaja. Terdapat tiga gelaran utama yang diberikan kepada wanita dewasa iaitu berdasarkan tahap kemahiran mereka dalam melakukan semua perkara seperti menenun, menganyam, membuat bakul dan membuat kerja-kerja rumah. Terdapat tiga tahapan atau gelaran utama yang diberikan kepada kaum wanita dewasa Iban berkaitan dengan tenunan atau anyaman. Berikut pada jadual 1.1. di bawah adalah keterangan bagi setiap gelaran tersebut.



Jadual 1.1 Tiga gelaran utama kaum wanita Iban

Bil	Gelaran	Penerangan
1	'Indu Gar, Indu Takar' (Wanita Pakar, Wanita Pintar)	Darjat tertinggi dalam status wanita Iban. Memiliki kemahiran dan kepakaran yang tinggi dalam menghasilkan tenunan dan anyaman. Mempunyai kekebalan terhadap pantang larang yang dikenakan semasa upacara menenun dilakukan. Dipercayai mempunyai keberkatan daripada dewa dalam membuat 'pua' yang tinggi nilai dan statusnya.
2	'Indu Puntan, Indu Tengkebang' (Wanita Pereka, Wanita Pencipta)	Darjat kedua tertinggi. Mempunyai kemahiran dalam menghasilkan motif baru tanpa berpandukan motif penenun lain. Mereka juga dipercayai telah mendapat mimpi dan keberkatan daripada dewa dalam menghasilkan sesuatu 'pua'. Mereka turut mempunyai kekebalan terhadap pantang larang yang dikenakan.
3	'Indu Sikat, Indu Kebat' (Wanita Sulaman, Wanita Tenunan)	Darjat ketiga tertinggi. Memiliki kemahiran dalam menghasilkan tenunan dan anyaman tetapi mereka tidak boleh menghasilkan 'pua' yang berstatus tinggi kerana tidak mendapat panduan dari mimpi yang diberikan oleh dewa. Mereka tidak mempunyai kekebalan dalam pantang larang yang dikenakan.

Bagi wanita Iban yang tidak memiliki kemahiran dalam membuat atau menghasilkan ukiran atau motif baharu, mereka akan meminjam tenunan orang lain bagi meniru corak yang sedia ada. Dalam budaya masyarakat Iban, terdapat adat meminjam sesuatu daripada satu sama lain. Salah satu daripada adat tersebut adalah adat meminjam tenunan orang lain, sama ada sebagai panduan ataupun meniru tenunan tersebut. Setiap tenunan atau 'pua sungkit' yang ditiru atau dipinjam hendaklah dikembalikan dengan memberi beberapa adat pemulangan mengikut status 'pua' atau tenunan 'sungkit' tersebut. Bagi pemberian atau hantaran yang selalu dilakukan adalah dengan menyediakan piring dan duit. Pemberian yang kadang-kadang dilakukan kerana mengikut status suatu tenunan hendaklah dipulangkan dengan adat, iaitu pinggan, parang dan duit. Bagi tenunan yang berstatus kurang bahaya, mereka dikehendaki untuk menyediakan benang, pulut, piring dan duit semasa memulangkan tenunan tersebut. Pemberian tersebut menjadi tanda kering semangat (kekal sihat) supaya perkara-perkara yang berbahaya tidak menimpa orang yang meminjam tenunan tersebut. Penenun yang membuat atau meniru tenunan berstatus bahaya ini hendaklah menyediakan pinggan, duit dan besi sebagai pemberian kepada si empunya tenunan. Bagi memulangkan tenunan berstatus tinggi atau berstatus amat bahaya ini, si peminjam hendaklah menyediakan besi, pinggan dan kain meter/ kain sarung (labung) sebagai hantarannya. Namun begitu, setiap pinjaman tersebut tertakluk kepada adat atau 'penti pemali' yang tertentu berdasarkan status kain tenunan yang dipinjam. Rajah 1.0 berikut adalah contoh adat pemulangan tenunan.


Rajah 1.0 Antara Adat Pemulangan Tenunan



Tingkat piramid tersebut mewakili perbezaan status dan adat yang diberikan kepada si empunya tenunan. Semakin besar dan tinggi nilai sesuatu tenunan tersebut, semakin tinggi nilai adat yang diberikan kepada si pemilik tenunan asal tersebut. Setiap tingkat piramid tersebut mewakili adat pemulangan tenunan yang dilakukan oleh setiap individu yang meminjam tenunan orang lain. Adat pemulangan tenunan ini bergantung kepada dua faktor iaitu status tenunan dan pemberian.

Faktor pertama yang ditekankan adalah mengenai status tenunan tersebut. Tingkat bawah piramid mewakili tenunan yang berstatus rendah atau tenunan biasa yang selalu dipinjam atau tidak membawa apa-apa makna tertentu. Tenunan biasa yang dimaksudkan adalah tenunan yang dihasilkan mengikut corak atau motif biasa seperti corak sulaman serta corak atau motif tenunan moden. Salah satu cabang seni kraftangan adalah sulaman. Sulaman yang dimaksudkan adalah seperti tenunan songket ataupun sulaman moden. Motif sulaman pula lebih kepada flora dan fauna. Corak atau motif ini akan menjadi nadi kepada tenunan atau sulaman yang dihasilkan. Karol Berger dalam buku *A Theory Of Art* (2000, hlm. 219) menjelaskan bahawa dunia seni adalah satu simbol, ia tidak dapat diterjemah tanpa adanya kehilangan dan herotan. Ia memerlukan tafsiran, dan apabila tafsiran itu disahkan maka ia bukan lagi satu simbol tapi menjadi satu metafora. Tingkat kedua pula adalah berstatus sederhana iaitu tenunan tersebut mempunyai makna tertentu tetapi tidak ada batasan kepada individu lain untuk meniru dan membuatnya.

Tingkat ketiga adalah tenunan berstatus tidak bahaya. Pada tingkat ini, tidak semua penenun boleh meniru atau membuat tenunan ini. Penenun baru tidak digalakkan untuk meniru atau membuat tenunan ini kerana dikhuatiri akan mengganggu kesihatan mereka. Tingkat piramid yang keempat atau kedua tertinggi mewakili status tenunan yang bahaya, kerana ia boleh mendatangkan kemudaratan kepada si penenun. Walaupun mempunyai pengalaman, tidak semua penenun disaran meniru atau membuat tenunan ini terutamanya kepada individu yang diketahui tidak sihat atau mempunyai masalah kesihatan. Selalunya tenunan ini mengandungi motif atau corak tertentu atau memiliki satu nama khas. Tingkat teratas piramid mewakili status tertinggi dalam tenunan, iaitu berstatus amat bahaya. Ini kerana tenunan tersebut mempunyai satu nama khas dan motif atau corak yang dihasilkan didapati daripada mimpi. Jika tenunan tersebut ditiru dan terdapat kesilapan dalam pembuatannya, dikhuatiri ia akan mendatangkan malapetaka kepada si penenun serta dikatakan boleh mengorbankan nyawa. Pada tingkat tertinggi ini, hanya segelintir penenun mahir sahaja yang dibenarkan meniru dan membuat tenunan ini. Robert Williams (2009, hlm. 7-8) menyatakan bahawa kepentingan seni visual semasa dunia purba, (kedekatan antara kehidupan nyata dan imiginasi) turut dinyatakan dalam mitos. Seni difahamkan wujud dalam bentuk kuasa mistik yang melangkaui alam semulajadi, walaupun ada batasan namun kadangkala ia mampu membawa kemudaratan dan mengakibatkan kecelakaan apabila ia melanggar arahan Tuhan. Rajah 1.0 di bawah adalah salah satu contoh 'pua sungkit' yang berstatus tinggi dan memiliki nama khas iaitu 'Bujang Lembau'. 'Bujang Lembau' adalah 'remaung' (makhluk jadian) yang bertukar menjadi manusia demi memberi pertolongan kepada masyarakat Iban yang akan pergi 'ngayau' (berperang).



**Rajah 1.1** 'Bujang Lembau'

Rajah 1.1 di atas adalah contoh 'pua sungkit' baharu dimana motif dan corak tersebut telah ditiru daripada 'pua sungkit' asal yang tidak mempunyai banyak warna dan kelihatan agak kusam. Rajah 1.2 di bawah menunjukkan perbezaan 'pua sungkit' asal dan baharu. Gambar pada sebelah kiri adalah tenunan 'pua sungkit' asal, manakala gambar pada sebelah kanan pula adalah tenunan 'pua sungkit' baharu. 'Pua sungkit' asal tidak memiliki banyak warna kerana zaman dahulu tidak mempunyai banyak benang seperti sekarang. Warna 'pua sungkit' asal kelihatan lebih kusam dan motif atau corak yang dihasilkan pula kurang menonjol kerana warna benang yang digunakan terbatas. Jika dilihat pada gambar, 'pua sungkit' baharu lebih menonjol dari segi warna latar dan benang. Kepelbagaian warna benang menghasilkan corak atau motif yang lebih terang dan menarik. Oleh sebab itu, penenun 'pua sungkit' pada masa sekarang lebih memilih untuk meniru 'pua sungkit' asal daripada membuat motif atau corak baru.





Rajah 1.2 Perbezaan di antara 'pua sungkit' asal (kiri) dan 'pua sungkit' baharu (kanan)

Penyataan Masalah

Kajian ini membincangkan tentang kewujudan 'pua sungkit' asal di kawasan Batang Ai. Zaman sekarang ini, ramai wanita dari Batang Ai yang berkerjaya telah bekerja dan berhijrah ke kawasan bandar dan kebanyakan yang masih tinggal di kampung adalah para suri rumah dan petani. Pengkaji ingin memastikan sekiranya terdapat penduduk terutamanya kaum wanita yang masih membuat tenunan 'pua sungkit' asal. Selain 'pua sungkit' asal, pengkaji juga ingin melihat tenunan 'sungkit' yang lain seperti kain, baju atau sirat dengan menggunakan kaedah baru yang lebih moden. 'Pua sungkit' amat jarang dihasilkan kerana prosesnya mengambil masa yang lama, oleh itu ia kurang mendapat perhatian ramai berbanding 'pua kumbu'. 'Pua kumbu' banyak digunakan dalam upacara ritual masyarakat Iban. 'Pua sungkit' merupakan tenunan yang sama dengan 'Pua Kumbu', tetapi berlainan dalam proses pembuatannya. Oleh itu, pengkaji ingin mengenalpasti fungsi dan kegunaan 'pua sungkit' ini dan persamaan serta perbezaannya dengan 'pua kumbu' dalam masyarakat Iban.

Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif utama dalam kajian ini. Pertama adalah untuk mengenal pasti 'pua sungkit' asal di kawasan Batang Ai. Objektif ini berkaitan dengan beberapa orang yang dikenal pasti memiliki kemahiran dalam penghasilan tenunan 'sungkit' ini dan mengetahui berapa banyak koleksi 'pua sungkit' asal atau 'pua sungkit' lama yang disimpan atau dimiliki oleh responden dan informan. Kedua adalah untuk meneliti fungsi 'pua sungkit' dalam kehidupan masyarakat Iban. Objektif ini ingin mengenal pasti apakah fungsi utama dan fungsi lain pua sungkit tersebut. Ketiga adalah untuk menganalisis perubahan di dalam pembuatan tenunan 'pua sungkit' pada masa sekarang. Objektif ini berkaitan dengan cara penghasilan tenunan sungkit itu pada masa dahulu dan sekarang. Ia juga bagi mengenal pasti jika terdapat sebarang perubahan dalam warna, benang, corak serta motif yang digunakan.



Kepentingan Kertas Kerja

Kajian ini diharap dapat mengekalkan kesinambungan tamadun yang melambangkan identiti masyarakat Iban di Sarawak. Pada masa yang sama, ia digunakan untuk melihat pandangan dan pengetahuan orang luar tentang kewujudan 'pua sungkit' tersebut. Ia juga diharap dapat dijadikan sebagai salah satu cara dalam mempromosikan 'pua sungkit' dan tenunan 'sungkit' yang lain kepada golongan muda. Melalui peredaran masa, ia turut memberi kesan terhadap ekonomi setempat dalam konteks sumbangannya terhadap masyarakat, sama ada ia dapat dikomersilkan ataupun tidak. Kajian ini diharap dapat menimbulkan minat dan kreativiti golongan muda dalam menghasilkan tenunan sungkit terutamanya 'pua sungkit'. Selain mewarisi tradisi asal masyarakat Iban, aktiviti menenun ini boleh dijadikan sebagai aktiviti di masa lapang. Kepentingan utama dalam penerbitan artikel ini adalah supaya ia dapat membantu pengkaji lain membuat penyelidikan yang sama dan menjadi salah satu panduan atau bahan rujukan mereka di masa hadapan. Ia turut mengenalpasti sama ada terdapat latihan yang disediakan atau kebarangkalian orang lain mempelajari cara membuat 'pua sungkit' ini.

Batasan Kertas Kerja

Populasi kajian dalam lingkungan sepuluh buah rumah panjang di sekitar kawasan Batang Ai, Lubok Antu, Sarawak. Rumah panjang yang terlibat adalah Rumah Klinsing Skarok, Rumah Gading Pan, Rumah Sunok Teliting, Rumah Johnson Kaong Ili, Rumah Mudin Kaong Ulu, Rumah Lantai Sungai Ara, Rumah Isau Mepi Pasir, Rumah Jamit Pudai, Rumah Jubang Sbangki Panjai dan Rumah Sardin Wong Panjai. Dalam konteks penyelidikan ini, seramai 50 orang responden dan 14 orang informan yang terlibat adalah mereka yang berpengetahuan dan bekemahiran dalam bidang tenunan 'pua sungkit'.

SOROTAN LITERATUR



Bagi menepati tajuk kajian, pengkaji hanya menekankan penghasilan tekstil yang menggunakan kaedah yang sama seperti teknik ikat dan teknik menyungkit. Penghasilan tekstil seperti kain batik dan kain songket turut ditekankan oleh pengkaji kerana ia mempunyai sedikit persamaan dengan penghasilan 'pua kumbu' dan 'pua sungkit'. Terdapat dua sorotan literatur iaitu sorotan literatur berkaitan dan sorotan literatur kajian. Dalam sorotan literatur berkaitan, ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu literatur berkaitan tempatan dan literatur berkaitan luar negara. Sorotan literatur kajian pula terbahagi kepada dua iaitu tinjauan kajian tempatan dan tinjauan kajian luar negara.

Sorotan Literatur Berkaitan

David Kaplan & Albert A. Mannes (1999, hlm. 102) menyatakan bahawa suatu ciri dalam ekologi budaya adalah perhatian mengenai adaptasi pada dua perkara, iaitu pertama, hubungannya dengan cara sistem budaya beradaptasi dengan persekitarannya, dan kedua adalah kesinambungan adaptasi sistematik budaya tersebut yang telah beradaptasi dan saling menyesuaikan diri antara satu sama lain. Ekologi budaya cenderung menekankan teknologi dan ilmu ekonomi dalam analisis mereka terhadap adaptasi budaya, kerana dari segi budaya tersebut dapat dilihat perbezaan dan peredaran masa di dalamnya. Tenunan juga tidak kira 'pua kumbu' mahupun 'pua sungkit', turut mengalami perubahan mengikut peredaran zaman.

Sorotan literatur berkaitan ini membincangkan tentang jenis-jenis tekstil yang dihasilkan di Malaysia dan Indonesia sahaja. Ini kerana pengkaji hanya menekankan persamaan dalam kaedah pembuatan tekstil tersebut. Persamaan yang dimaksudkan adalah pembuatan kain tenunan yang menggunakan kaedah ikat atau kaedah menyungkit. Malaysia dan Indonesia diketahui mempunyai banyak persamaan dalam penghasilan tenunan kerana terdapat persamaan budaya. Contohnya, persamaan kaum dan budaya masyarakat Dayak yang terdapat di kedua-dua buah negara terbabit. Ia sedikit sebanyak mempengaruhi gaya hidup dan budaya mereka.






Literatur Berkaitan Tempatan

Di Malaysia, terdapat beberapa kain tenunan yang masih diamalkan sehingga sekarang. Di Borneo terdapat dua jenis kain tenunan yang terkenal iaitu 'pua kumbu' di Sarawak, dan Kain dasar di Sabah. Walaupun di Sarawak dan Sabah mempunyai kepelbagaian kaum dan budaya tetapi pembuatan kain tenunan mengikut etnik tidak melibatkan penghasilan yang banyak. Ini kerana kebiasaannya, produk tersebut tidak dikomersilkan seperti 'pua kumbu'. Kain songket dan kain batik turut dihasilkan di Sarawak dan Sabah tetapi dalam jumlah yang sedikit. Kain songket, kain batik, kain tekatan dan kain tenunan Pahang pula terkenal di Semenanjung Malaysia, tetapi tidak semua negeri menghasilkan kain tenunan ini.

Di Sarawak, selain pua kumbu masyarakat Iban turut menghasilkan tenunan sungkit. Walaupun tidak dikenali seperti pua kumbu, tetapi masyarakat Iban yang tinggal di daerah Batang Ai, Lubok Antu masih aktif menghasilkan tenunan sungkit tersebut. Walaupun begitu, kaedah menyungkit pua sungkit tidak sama dengan pembuatan kain songket. Penghasilan satu tenunan sungkit memerlukan kesabaran yang tinggi kerana prosesnya yang rumit dan memakan masa. Selain itu, tenunan sungkit menggunakan pelbagai warna dan benang tidak seperti kain songket. Rajah 2.1 di bawah merupakan contoh proses menenun 'sungkit'. Rajah tersebut menunjukkan kepelbagaian benang dan peralatan yang digunakan dalam menghasilkan tenunan 'sungkit'. Proses pembuatan sesuatu tenunan 'sungkit' bergantung kepada jenis, motif dan saiz yang ingin dihasilkan. Semakin besar dan lebar tenunan 'sungkit' tersebut, semakin lama tempoh penghasilannya.



Rajah 2.1 Contoh proses menenun 'sungkit'

Penghasilan kain songket pula lebih mudah dan cepat disiapkan. Teknik menyungkit banyak didapati di Malaysia Barat terutama di bahagian Pantai Timur kerana terpengaruh dengan budaya Budha, Hindu dan Islam. Kain tenunan Pahang turut dibuat menggunakan kaedah menyungkit benang sutera asli untuk menghasilkan kain songket. Kain songket dan kain ikat yang berkualiti diperuntukkan kepada kerabat diraja dan golongan bangsawan di Istana.

Literatur Berkaitan Luar Negara

Sorotan literatur yang berkaitan dari luar negara membincangkan tentang jenis-jenis tekstil yang dihasilkan oleh sesebuah masyarakat di negara masing-masing. Walaupun literatur ini dari luar negara, tetapi ia tetap mempunyai hubungkait dengan tekstil yang ada di Malaysia kerana wujudnya persamaan budaya. Contohnya, terdapat persamaan dalam tekstil yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu dan Dayak antara Indonesia dan Malaysia. Dalam konteks kajian ini, pengkaji hanya menekankan jenis-jenis tekstil yang menggunakan kaedah ikat atau kaedah menyungkit sahaja. Antara tekstil tersebut



adalah tenunan pua di Kalimantan Barat, kain songket Sarawak, kain songket di Kalimantan Barat, kain batik Indonesia dan Pa Sin Matmee Thailand.

Sorotan Literatur Kajian

Sorotan kajian membincangkan tentang kajian-kajian yang mempunyai kaitan dengan topik kajian. Dalam konteks ini, pengkaji mencari dan memilih kajian yang dirasakan berkaitan atau bersesuaian dengan tajuk kajian. Walaupun tiada yang betul-betul menepati topik kajian, maka pengkaji hanya menggunakan kajian yang merujuk kepada tekstil yang dihasilkan menggunakan kaedah ikat atau 'pua kumbu'. Memandang kajian mengenai 'pua kumbu' dan 'pua sungkit' masih baru, maka bahan kajian amatlah sukar didapati. Oleh sebab itu, pengkaji hanya menekankan kepada kajian yang mempunyai hubungkait dengan 'pua kumbu', kain batik atau kain songket sahaja.

Tinjauan Kajian Tempatan

Repositioning Pua Kumbu And Batik Through Artistic Practice: Globalising The Local By Drawing Upon Diverse Malaysian Cultural Forms (2012, hlm. 2) oleh Mohd Zahuri Bin Khairani dan Mohammad Rusdi Bin Mohd Nasir menjelaskan bahawa 'pua kumbu' datangnya dari masyarakat Iban yang terdapat di Sarawak, iaitu di kepulauan Borneo. Kegunaan 'pua kumbu' berkait rapat dengan kehidupan tradisional masyarakat Iban. 'Pua kumbu' ini digunakan dalam perayaan atau upacara ritual seperti kelahiran, kematian dan semasa berkahwin, penyembuhan dan perayaan Gawai Dayak. Ia digunakan sebagai persembahan dan perantaraan antara masyarakat Iban dan 'Petara Padi' (Dewa Benih/Dewa Padi) dalam upacara ritual berhuma. Upacara ritual berhuma diadakan sebelum aktiviti menebas dilakukan. Upacara memberkati benih padi akan diadakan terlebih dahulu sebelum upacara menanam padi dilakukan.

Motif Iban Dalam Pengaplikasian Seni Tampak Di Malaysia (2007, hlm. 10) oleh Devourie Gail & Lorita Jeros menghuraikan status masyarakat Iban dahulu kala. Orang yang tidak mempunyai pangkat atau darjat dan miskin dilarang menggunakan perhiasaan yang tidak sepadan dengan kedudukan mereka. Mereka dilarang menghias bilik dengan ukiran seperti naga, harimau, hantu gergasi dan harimau kerana ukiran tersebut mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kalangan masyarakat Iban. Sesiapa yang melanggar adat ini dikhuatiri akan mengalami pelbagai ancaman musuh.

Pola Pemilihan Rekaan Dan Produk Batik Malaysia Dalam Kalangan Remaja (2012, hlm. 8) oleh Dalilah Mohd Rubi, Suriani Mohamed, Ridzwan Che' Ros dan Nor Asimah Zakaria mengatakan batik adalah sejenis tekstil yang dibuat menggunakan kaedah menerap lilin dan mencelup kain. Corak batik pada asalnya adalah berbintik-bintik dan bermotifkan alam, haiwan, flora dan fauna secara geometrik. Kain batik yang dihasilkan di Malaysia mempunyai identiti tersendiri kerana terdapat perbezaan pada tekstur, warna, pilihan motif dan corak, teknik serta rekaannya. Ia banyak dihasilkan di negeri Kelantan dan Terengganu dan diikuti oleh negeri-negeri lain.

Tinjauan Kajian Luar Negara

Contemporary Art, Craft and Hybridity: Malaysian Encounters and Responses (2011, hlm. 154) oleh Mohd Zahuri Bin Khairani, menghuraikan 'pua kumbu' banyak digunakan dalam upacara-upacara atau keramaian seperti upacara kelahiran, perkahwinan, kematian dan tempoh berkahwin, penyembuhan dan semasa perayaan-perayaan dijalankan terutamanya Hari Gawai Dayak. 'Pua kumbu' juga digunakan semasa upacara berhuma dijalankan dalam membalut piring sebagai persembahan kepada 'Petara Padi'. Upacara ini diadakan bagi mendapat keberkatan dari 'Petara Padi' dan mengelakkan sial, kerosakkan dan gangguan makhluk perosak terhadap huma tersebut. 'Pua kumbu' ini bukan sekadar pakaian tetapi lebih kepada kepercayaan masyarakat Iban. Ia sedikit sebanyak mengundang perasaan ingin tahu terhadap penenun kain yang tidak dikenali dan warisan budaya masyarakat Iban tersebut. Motif dan corak 'pua' tersebut amatlah mistik sehinggalah ia di komersilkan pada masa sekarang.

REKA BENTUK KAJIAN

Pendekatan kualitatif digunakan dalam menjalankan kajian ini. Terdapat beberapa metodologi yang digunakan dalam kajian yang berkaitan dengan aktiviti bertenun ini. Kaedah yang pertama adalah menggunakan analisis dari dokumen atau buku rujukan. Kemudian pengkaji akan menggunakan kaedah temubual dan soal selidik. Akhir sekali, pengkaji akan menggunakan teori yang berkaitan dengan topik.



Rajah 3.2 Kerangka Kajian Tentang Pua Sungkit Iban Batang Ai

Rajah 3.2 adalah kerangka kajian tentang pua sungkit Iban di Batang Ai. Terdapat tiga pecahan objektif utama dan satu konsep yang berkaitan dengan tajuk kajian. Objektif pertama iaitu pemahaman yang terbahagi kepada kewujudan 'pua sungkit', simpanan atau koleksi 'pua sungkit' dan penghasilan 'pua sungkit' pada masa sekarang. Objektif kedua iaitu fungsi terbahagi kepada persamaan di antara 'pua kumbu' dan 'pua sungkit', perbezaan dalam penghasilan 'pua sungkit' dan fungsi 'pua sungkit' dalam kehidupan masyarakat Iban. Objektif ketiga pula iaitu perubahan yang terbahagi kepada kaedah yang digunakan dalam menenun, perubahan dalam penghasilan tenunan 'sungkit' dan jenis-jenis tenunan lain. Konsep pula berkaitan dengan sosiobudaya dan sosiologi masyarakat Iban.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu hasil dari soal selidik dan temu bual. Responden dan informan yang terlibat terdiri daripada mereka yang berpengetahuan, arif dan mahir dalam selok belok tenunan 'pua sungkit'. Bagi sesi soal selidik, seramai 50 orang yang mempunyai pengetahuan umum dalam bidang tenunan telah menjadi responden. Sesi temu bual yang melibatkan seramai 14 orang informan lebih menitikberatkan terhadap mereka yang sememangnya mahir dalam menghasilkan tenunan 'sungkit'. Selain itu, pengkaji turut bertanya tentang hasil dari tenunan yang mereka hasilkan, sama ada mereka memasarkannya ataupun tidak.

Dapatan kajian melalui soal selidik

Pengkaji telah menjalankan kajian di 10 buah rumah panjang di kawasan Batang Ai iaitu di Rumah Klinsing Skarok, Rumah Sunok Nanga Teliting, Rumah Gading Pan, Rumah Simon Bui Panjai, Rumah Beruin Sungai Ara, Rumah Esau Mepi Pasir, Rumah Gindi Nyemungan, Rumah Jubang Sebangki Panjai, Rumah Johnson Kaong Ili dan Rumah Mudin Kaong Ulu. Pemilihan rumah-rumah panjang ini adalah berdasarkan status terkini mereka yang diketahui masih aktif dalam penghasilan tenunan 'sungkit' ini. Faktor kedua adalah hubungan dan lingkungan mereka dalam pembuatan tenunan 'sungkit' ini. Daripada 50 orang responden, seorang adalah lelaki manakala selebihnya adalah wanita. Seramai

43 orang responden adalah penduduk asal rumah-rumah panjang terbabit manakala tujuh yang lain ialah mereka yang mengahwini penduduk rumah panjang tersebut. Hanya 20 orang sahaja yang bekerja dan selebihnya adalah surirumah sepenuh masa ataupun petani.

Boleh dikatakan bahawa minat dan kemahiran bertenun bergantung kepada umur responden. Minat responden dan kemahiran mereka bertentangan dengan peringkat umur. Semakin muda responden itu semakin kurang bilangan mereka yang menghasilkan tenunan 'sungkit' tersebut. Kebanyakan mereka yang betul-betul mahir berada dalam lingkungan 60 tahun sehingga 89 tahun. Selebihnya adalah mereka yang baru belajar ataupun menyuruh orang lain memulakan proses awal tenunan. Kemudian, mereka akan menyambung tenunan tersebut apabila proses menyungkit bermula. Tenunan 'sungkit' ini adalah salah satu cabang seni kraftangan. Dalam buku *Art Theory An Historical Introduction* (2009, hlm. 18) oleh Robert Williams, ia menyatakan bahawa kerja-kerja yang berkaitan dengan seni adalah objek yang dibuat dengan tangan, berbeza dengan kategori yang mana objek tersebut dihasilkan melalui proses semulajadi seperti sarang burung atau sarang lebah.


Mengenalpasti 'pua sungkit' asal di kawasan Batang Ai

David Kaplan & Albert A. Manners dalam buku *Teori Budaya* (1999, hlm. 5) menyatakan bahawa sistem sosial manusia mempunyai kepelbagaian sehingga menampakkan luasnya pelbagai pengaruh atau kesan tradisi warisan. Aktiviti menenun yang dijalankan oleh kaum wanita Iban juga merupakan satu tradisi yang diwarisi secara turun temurun. Objektif utama dalam kajian ini adalah ingin mengenal pasti sama ada penduduk di sekitar kawasan Batang Ai ini masih menyimpan 'pua sungkit' asal atau lama. Responden yang tidak memiliki simpanan memberikan beberapa alasan seperti 'pua sungkit' lama itu telah musnah akibat kebakaran, telah dimusnahkan oleh tikus atau anai-anai atau mereka memang tidak mempunyai simpanan 'pua sungkit' lama, kerana mereka baru belajar membuatnya sekarang. Selain itu, pengkaji turut menyoal responden sama ada mereka mengenali tenaga mahir dalam tenunan pua sungkit tersebut. Majoriti responden mengenali satu sama lain. Mereka juga tahu siapa yang betul-betul mahir dalam bidang tenunan ini. Terdapat beberapa orang responden yang belajar membuat tenunan 'sungkit' ini daripada responden yang bekemahiran tersebut.

Fungsi 'pua sungkit' di dalam kehidupan masyarakat Iban

Masyarakat Iban secara umumnya menggunakan 'pua kumbu' sebagai salah satu kelengkapan 'ngepan Iban'. Ia turut dijadikan sebagai kelengkapan 'bedara' dan digantung semasa adanya perayaan dan dijadikan sebagai perhiasan. David Kaplan & Albert A. Manners (1999, hlm. 62) menyatakan bahawa budaya merupakan satu peranti adaptasi bagi manusia untuk menyesuaikan diri mereka terhadap alam dan sebaliknya, yang mana pada dasarnya manusia-dalam-budaya melaksanakan hal tersebut dengan mengerah sepenuh tenaga dan mengerjakannya demi kepentingan masyarakat mereka sendiri. Oleh yang demikian, kaum wanita Iban di Batang Ai berusaha untuk mempertahankan 'pua sungkit' tersebut dengan menjadikannya pengganti 'pua kumbu'. Objektif kajian yang kedua ialah untuk mengenalpasti apakah fungsi-fungsi utama 'pua sungkit' ini dalam kehidupan masyarakat Iban di Batang Ai.


Dapatan kajian menunjukkan hampir kesemua responden mengatakan bahawa fungsi utama 'pua sungkit' tersebut adalah sebagai kelengkapan yang digunakan semasa 'bedara' (upacara ritual) atau semasa perayaan dijalankan. Seramai 40 orang responden mengatakan bahawa 'pua sungkit' tersebut digunakan sebagai perhiasan yang digunakan di dalam rumah. Seramai 40 orang responden mengatakan bahawa 'pua sungkit' tersebut adalah sebagai pengganti 'pua kumbu' dalam kehidupan mereka, manakala 10 orang responden yang lain berpendapat sebaliknya. Walaupun mereka turut mempunyai koleksi 'pua kumbu' tetapi mereka lebih cenderung menggunakan 'pua sungkit' dalam kehidupan mereka. Rajah 4.1 di bawah menunjukkan tiga fungsi utama seperti yang dinyatakan oleh responden.



Rajah 4.1 Fungsi 'pua sungkit'

Melihat perbezaan tenunan 'sungkit' dari sudut pandangan responden

Seramai 14 orang responden mengatakan mereka tahu membuat corak baru tanpa meniru corak yang sedia ada, manakala 36 orang responden yang lain tidak tahu membuat corak sendiri. Corak yang dimaksudkan adalah yang bermotifkan flora dan fauna, binatang, manusia serta alam semesta. Menurut Augustine Anggat Ganjing dalam buku Asas Ukiran Iban Satu Pengenalan (1991, hlm. 268) mengatakan bahawa ukiran atau motif yang digunakan dipanggil ukir tekuan yang didapati pada bakul anyaman, tikar dan tenunan. Ukiran ini turut dilukis di dinding-dinding dan tiang rumah panjang. Ukiran ini biasa didapati pada kain tenunan yang dihasilkan oleh kaum perempuan Iban. Rajah 4.2 di bawah merupakan contoh corak atau motif 'ukir tekuan'.



Rajah 4.2 Contoh 'ukir tekuan'

Ukiran-ukiran ini selalunya digabungkan agar membentuk satu corak, sama ada corak binatang, manusia mahu pun alam flora dan fauna. Tidak seperti corak-corak yang lain, corak D dan H tidak dapat dihasilkan secara bersempua antara satu sama lain kerana ia akan menyebabkan corak yang dihasilkan terbantut. Bagi corak-corak yang lain, ia dapat dihasilkan secara bersempua, membelakangi satu sama lain, bersebelahan atau pun dalam posisi atas dan bawah. Ukiran tekuan mestilah mempunyai batang yang

menghasilkan cabang iaitu dahan yang berpecah kepada bahagian-bahagian yang lain. Motif binatang, manusia, alam flora dan fauna biasanya dijadikan sebagai corak penting yang dihasilkan di tengah-tengah kain tenunan manakala motif tumbuhan seperti paku pakis dihasilkan pada bahagian atas dan bawah tenunan tersebut dalam ukuran yang kecil.

Buku Art History The Basics (2008, hlm. 9) yang ditulis oleh Grant Pooke & Diana Newall, menyebut teori mimesis (meniru) menyatakan bahawa seni itu adalah cermin kepada persekitaran dan alam semesta. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika penenun menjadikan persekitaran mereka sebagai panduan dan idea mereka dalam menghasilkan sesuatu corak. Terdapat beberapa orang responden yang mengatakan mereka mendapat corak tersebut daripada mimpi. Selebihnya mengatakan mereka tidak tahu membuat 'pua sungkit' tanpa merujuk tenunan 'sungkit' yang lain. Namun demikian, terdapat segelintir responden yang mahir dalam menghasilkan motif atau corak sendiri tanpa melalui mimpi. Kebolehan ini adalah daripada kreativiti dan sifat seni dalam diri mereka. Karol Berger (2000, hlm. 91) menyatakan bahawa seni yang kita sedia maklum ditambah dengan filosofi adalah satu alat yang berpontesi dalam penghasilan ciptaan sendiri.

Karol Berger dalam buku A Theory Of Art (2000, hlm. 99) menjelaskan bahawa seni itu adalah satu kemahiran yang diperolehi daripada pengetahuan dan ciptaan seseorang yang mana ia boleh dibaiki atau diperbaharui. Selain mendapatkan corak yang sama, selalunya penenun meniru bagi menambahkan atau mengubahsuai corak tersebut untuk mencantikkan lagi tenunan 'sungkit' mereka. Seramai 32 orang responden mengatakan bahawa mereka ada meniru corak atau tenunan 'sungkit' lain, manakala 18 orang responden pula mengatakan mereka tidak pernah meniru corak atau tenunan 'sungkit' orang lain. Responden yang meniru tenunan 'sungkit' individu lain menyatakan bahawa mereka baru belajar dan tidak tahu menghasilkan corak atau motif baru semasa membuat tenunan 'sungkit' tersebut. Bagi responden yang menyatakan bahawa mereka tidak pernah meniru tenunan orang lain, mereka menjelaskan bahawa mereka mendapat corak tenunan tersebut melalui mimpi dan melalui kreativiti dan daya imiginasi masing-masing.


Walaupun kesemua responden yang terlibat tahu membuat tenunan dan 'pua sungkit' ini, namun tidak semua tahu proses pembuatan dari awal sehingga akhir. Menghasilkan tenunan dan 'pua sungkit' ini memerlukan seseorang yang bekemahiran tinggi dalam usaha memulakan tenunan tersebut. Oleh sebab itu hanya 23 orang responden sahaja tahu memulakan proses menghasilkan corak sahaja apabila kain yang dililit dan dipakan telah siap sepenuhnya, manakala 27 orang responden yang lain tidak terlibat secara langsung dengan penghasilan tenunan 'pua sungkit' tersebut.

Tenunan 'sungkit' terutamanya 'pua sungkit' dikenali dengan warna dan coraknya yang menarik dan cantik, tetapi hanya segelintir sahaja yang tahu apakah maksud corak yang mereka hasilkan. Buku Art History The Basics (2008, hlm. 21) merujuk pendapat seorang ahli sejarah seni dari Itali iaitu Giovanni Bellori (1615-96) yang mengadaptasi idea Plato mengenai kewujudan suatu bentuk yang sempurna dan tulen dalam teorinya. Bellori berpendapat bahawa bagi mendapatkan bentuk yang ideal, artis tersebut hendaklah memerhati dan memilih contoh terbaik yang diperolehinya daripada alam semesta. Selain itu, penggabungan fantasi dan alam semesta akan menghasilkan keseluruhan komposit. 28 orang responden tahu apakah maksud corak yang mereka hasilkan, sama ada corak yang mereka hasilkan sendiri mahu pun yang mereka tiru daripada orang lain. 22 orang responden yang selebihnya tidak tahu sama sekali apakah maksud corak tersebut kerana mereka hanya meniru corak tersebut.

Robert Williams dalam buku Art Theory An Historical Introduction (2009, hlm. 10) menyatakan bahawa sebagai tambahan kepada kebolehan suatu gambar atau objek dalam mempengaruhi seseorang, ia juga menimbulkan minat yang mendalam bagi individu tersebut dalam memahami cerita atau suatu maksud di dalamnya. Selain mempunyai maksud tertentu, corak tenunan 'sungkit' seperti 'pua sungkit' mempunyai nama khas yang tersendiri. 'Pua sungkit' asal atau 'pua sungkit' lama banyak memiliki nama-nama yang tersendiri. Namun demikian, tidak semua tenunan 'sungkit' atau 'pua sungkit' memiliki nama khas. Selalunya nama khas 'pua sungkit' tersebut diperolehi daripada mimpi orang yang membuatnya. Seramai 29 orang responden tahu atau mengenali nama-nama khas bagi setiap

'pua sungkit' tersebut, manakala 21 orang responden yang lain tidak tahu tentang nama-nama khas tersebut.

'Pua sungkit' yang mempunyai nama khas dan corak yang besar ertinya tidak boleh ditiru atau dibuat oleh kaum wanita yang baru belajar menenun. Ini kerana mereka dikhuatiri akan mendapat bala atau boleh kehilangan nyawa mereka ketika menghasilkan tenunan 'sungkit' tersebut. Seramai 45 orang responden tahu tentang pantang larang ini, yang mana terdapat segelintir daripada mereka pernah menggunakan pantang larang tersebut semasa mula-mula betenun dahulu dan lima orang responden yang lain tidak tahu tentang pantang larang tersebut kerana majoriti daripada mereka adalah penenun baharu. Cara pembuatan tenunan 'sungkit' ini dikatakan tidak sama, kerana mengikut peredaran zaman. Seramai 29 orang responden mengatakan bahawa tidak terdapat sebarang perubahan dalam cara pembuatan tenunan 'sungkit' ini. Yang membezakannya hanyalah benang dan corak yang dihasilkan. Zaman dahulu, benang yang digunakan adalah terhad dan corak yang dihasilkan pula lebih kepada alam flora dan fauna. Pemilihan flora dan fauna adalah kerana ia berada di persekitaran mereka dan memudahkan mereka melihat dan mengadaptasikannya ke dalam tenunan mereka. Zaman sekarang terdapat kepelbagaian warna yang digunakan dan corak yang dihasilkan lebih kepada kreativiti dan kebebasan dalam menghasilkan tenunan 'sungkit' tersebut. Daya imiginasi yang tinggi dan bakat seni yang terdapat dalam diri seseorang penenun itu, turut menyumbang kepada corak baharu dalam penghasilan tenunan 'sungkit' tersebut. Dua puluh satu orang responden yang lain mengatakan bahawa terdapat perbezaan dalam pembuatan tenunan 'sungkit' tersebut. Rajah 4.3 di bawah adalah ringkasan dari pandangan responden terhadap perbezaan tenunan 'sungkit'.



Rajah 4.3 Perbezaan tenunan 'sungkit' dari sudut pandangan responden

Perkara Yang Berkaitan

Kaum wanita masyarakat Iban suatu masa dahulu mengisi masa lapang mereka dengan menghasilkan pelbagai kraftangan. Kraftangan adalah salah satu cabang seni. Salah satu kraftangan yang menjadi keutamaan mereka adalah tenunan. Selain menghasilkan 'pua sungkit', mereka juga turut membuat tenunan lain seperti 'pua kumbu', 'pua pilih' dan 'pua sidan'. Walaupun aktiviti menenun berkurangan pada masa sekarang, namun terdapat segelintir penduduk di Batang Ai yang masih bergiat aktif dalam bidang ini. Dalam buku *Art Theory An Historical Introduction* (2009, hlm. 17) oleh Robert Williams, menyatakan keinginan untuk mendefinisikan seni secara umum sedikit sebanyak menyumbang kepada penghasilan atau pembuatan sesuatu kerja (satu kerja yang diiktiraf atau dipuji) yang akan menjadikan seni itu sebagai satu aktiviti yang mencerminkan diri sendiri. Separuh daripada responden ada membuat




tenunan lain seperti tenunan 'pilih' , 'sidan'dan 'pua kumbu'. Separuh orang responden yang lain tidak ada membuat tenunan lain selain tenunan 'sungkit'.

David Kaplan & Albert A. Manners (1999, hlm. 5) menjelaskan tentang kesamaan dan perbezaan budaya, pemeliharaan budaya dan perubahannya seiring peredaran zaman. Perubahan hanya dapat diamati melalui latar belakang stabiliti atau pemeliharaan budaya. Stabiliti pula dapat difahami daripada latar belakang perubahan. Jika budaya tidak saling berbeza dan tidak mengalami sebarang perubahan, nescaya tidak akan timbul persoalan mengenai mekanisma perubahan atau mekanisma stabiliti. Budaya mengekalkan warisan, oleh yang demikian menjadi tanggungjawab bagi masyarakat Iban bagi mengekalkan tradisi ini. Seramai 33 orang responden menyatakan mereka akan mewariskan pengetahuan dan kemahiran mereka kepada anak dan saudara mara mereka yang berminat dalam membuat tenunan 'sungkit' ini. Pengkaji mendapati hanya seorang responden didapati sedang mengajar kedua-dua anak perempuannya dalam menghasilkan tenunan 'sungkit' tersebut. Tujuh belas orang responden yang lain menyatakan bahawa mereka tidak mahu menurunkan tradisi tersebut kepada anak-anak mereka, kerana mereka tidak berminat dalam menghasilkan tenunan 'sungkit' tersebut.

Tidak hanya tertumpu kepada tenunan sahaja malah aktiviti lain seperti membuat anyaman masih dipraktikkan sehingga sekarang. Sudah menjadi satu tabiat bagi golongan kaum wanita Iban memberi tunjuk ajar dan mengajar orang lain yang berminat dalam seni kraftangan ini. Jika ada yang menolak, itu adalah kerana mereka sudah berumur dan mempunyai penyakit seperti penglihatan yang kurang jelas dan sakit sendi. Bagi wanita lain yang berkemahiran, mereka menyatakan kesediaan mereka jika dilantik sebagai tenaga pelatih. Firth dalam buku Teori Budaya (1999, hlm. 142h) mengatakan bahawa seseorang akan memilih laluan yang dikehendakinya secara sedar atau tidak. Pilihan tersebut akan mempengaruhi strukturnya pada masa depan. Kaedah pelanjutan sesuatu masyarakat itu hendaklah dicari dalam struktur sosial, manakala bagi sebuah institusi pula ia hendaklah dinilai daripada prinsip variasi atau perubahannya, kerana organisasi sosial ini berkemungkinan mempunyai evaluasi situasi serta campurtangan pilihan individu. Bagi memastikan supaya tenunan ini tidak pupus ditelan zaman, seramai 27 orang responden sahaja yang mengatakan minat dan kesudian mereka untuk menjadi tenaga pengajar. Responden ini terdiri daripada mereka yang masih muda dan sihat tubuh badan. Mereka telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menjadi tenaga pengajar jika diberikan peluang. Mereka juga menyatakan bahawa mereka telah pun menurunkan kemahiran yang mereka miliki kepada anak-anak perempuan mereka dan juga saudara mara yang berminat dalam bidang tenunan ini. Selain itu, mereka juga pernah dijemput untuk mengajar orang lain di rumah panjang berkenaan.

Seramai 23 orang responden yang lain menyatakan bahawa mereka telah menurunkan kemahiran mereka kepada orang lain dan tidak berminat untuk menjadi tenaga pengajar. Salah satu faktor yang menjadi punca keengganan mereka adalah faktor usia kerana majoriti golongan ini berada dalam lingkungan 60 tahun sehingga 90 tahun. Sebab yang kedua adalah faktor kesihatan seperti sering sakit dan tahap penglihatan mereka semakin teruk. Selain itu mereka menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai masa yang secukupnya bagi membuat tenunan tersebut dan mengajar orang lain. Majoriti responden menyatakan bahawa tempoh penghasilan tenunan 'sungkit' tersebut bertambah dua kali ganda kerana mereka tidak fokus dan meletakkan keutamaan kepada penghasilan tenunan 'sungkit' tersebut. Mereka menegaskan bahawa masa terluang yang mereka ada hanyalah pada waktu malam sahaja kerana pada sebelah siang mereka membuat kerja lain seperti ke huma, kerja di ladang kelapa sawit dan ladang getah, atau pun melakukan aktiviti lain seperti membuat anyaman dan mengemas rumah. Rajah 4.4 merupakan ringkasan ke arah pengekaln warisan. Daripada rajah tersebut kita dapat melihat keupayaan dan kesungguhan mereka dalam memelihara tradisi ini.





Rajah 4.4 Ke arah pengekalan warisan

Dapatan kajian melalui sesi temu bual

Sesi temu bual melibatkan 14 orang informan yang benar-benar mahir dalam pembuatan tenunan 'sungkit' ini terutamanya 'pua sungkit'. Pengkaji mendapati terdapat sekurang-kurangnya dua orang yang mahir di dalam penghasilan tenunan ini di setiap kampung yang terlibat. Sembilan daripada 14 orang responden mengatakan bahawa mereka belajar daripada ibu mereka sendiri. Selebihnya menyatakan bahawa mereka belajar membuat tenunan sama ada dari ahli keluarga yang lain, kawan atau pun belajar sendiri.

Corak flora dan fauna banyak dihasilkan pada tenunan. Contohnya seperti daun, paku pakis, pucuk rebung dan pokok. Selalunya corak atau motif tumbuhan ini diletakkan pada bahagian bawah kain sungkit, atau pada bahagian kiri dan kanan 'pua sungkit'. Selain flora dan fauna yang dijadikan motif atau corak, binatang juga banyak dihasilkan pada tenunan. Antara corak binatang yang banyak dihasilkan ialah ular, buaya, monyet, anjing dan kala. Pengkaji difahamkan jika corak binatang seperti buaya dan ular dibuat pada suatu tenunan, maka penenun hendaklah menghasilkan corak binatang seperti kala, anjing atau lembu dalam bentuk yang kecil. Ini kerana, corak binatang yang besar tersebut hendaklah disajikan santapan supaya tenunan tersebut tidak memakan tuannya. Robert Williams (2009, hlm. 23) menyatakan bahawa seni itu adalah satu pemahaman yang sistematik mengenai sebab dan akibat yang mana ia pada dasarnya adalah satu cara pemikiran yang rasional.

Pengkaji mendapati terdapat empat orang informan yang tahu membuat corak tenunan 'sungkit' sendiri, manakala lima orang informan yang lain meniru corak tenunan daripada orang lain dan lima yang lainnya adalah sama ada mereka membuat sendiri atau pun meniru corak tenunan 'sungkit' tersebut daripada orang lain. Selain itu tempoh responden berkecimpung dalam bidang tenunan ini adalah tidak tetap kerana ia bergantung kepada usia mereka semasa menceburi bidang ini.

Latar belakang tenunan 'sungkit'

Tenunan 'sungkit' dikatakan hanya dihasilkan di beberapa kawasan sahaja di seluruh Sarawak. Kawasan yang banyak dan masih aktif dalam menghasilkan tenunan 'sungkit' adalah di Batang Ai. Namun, latar belakang dari mana datangnya tenunan ini tidak dapat dipastikan sehingga sekarang. Rata-rata kaum wanita Iban menyatakan bahawa asal usul tenunan ini adalah daripada Kumang. Kumang adalah isteri kepada Keling. Kumang merupakan seorang wirawati mitos bagi masyarakat Iban. Kumang diketahui kreatif, berkebolehan dan berkemahiran tinggi dalam menghasilkan pelbagai hasil tangan atau kraftangan. Dalam buku Teori Budaya (1999, hlm. 169) menjelaskan pandangan Robin Horton mengenai ideologi yang bersangkutan paut dengan sistem kepercayaan sesebuah masyarakat atau budaya. Horton mengatakan bahawa penekanan intelektual atau kognitif dalam mentafsir ideologi serta sistem kepercayaan bersifat melengkapi, bukannya menolak jenis-jenis tafsiran yang lain. Bagi masyarakat

Iban mereka amat mempercayai kuasa dan hubungan mereka dengan Petara mereka. Mereka percaya akan sebab dan akibat yang terjadi apabila ia melibatkan kepercayaan mereka.

Majoriti daripada informan mengatakan tiada beza dalam cara pembuatan tenunan 'sungkit' ini. Apa yang pasti perubahan yang ketara adalah dari segi ukuran, corak dan benang yang digunakan. Dari segi ukuran, ukuran 'pua sungkit' dahulu kala adalah kecil dan memanjang tetapi kini ia bersaiz dua kali ganda. Namun demikian, terdapat juga 'pua sungkit' asal yang berukuran sama seperti sekarang. Zaman sekarang 'pua sungkit' yang dihasilkan adalah mengikut keperluan semasa. Bagi alas meja dan kerusi, ukuran 'pua sungkit' adalah 1/3 daripada saiz asal 'pua sungkit'. Buku Art Theory An Historical Introduction (2009, hlm. 28) oleh Robert Williams mengatakan seni pengukuran menjadi dasar kepada setiap seni termasuk tingkah laku, yang mana ukuran dan perkadaran dinilai melalui kecantikan dan kebaikan. Oleh itu, setiap ukuran yang ditentukan semasa menghasilkan tenunan bergantung kepada kesesuaian dan kehendak penenun. Perubahan zaman dan trend semasa turut menjadi faktor kepada ukuran tenunan yang dihasilkan.

'Pua sungkit' asal atau 'pua sungkit' lama masih disimpan dengan rapi oleh keluarga lapan orang informan tersebut. Selebihnya menyatakan bahawa 'pua sungkit' asal tersebut dan tenunan yang lainya telah musnah akibat kebakaran dan dimusnahkan oleh tikus dan anai-anai. Informan menyatakan bahawa 'pua sungkit' asal yang mereka simpan berusia paling kurang 100 tahun kerana telah diwarisi dari nenek moyang mereka dahulu kala. Bagi informan yang lain 'pua sungkit' asal yang mereka warisi berusia dalam lingkungan 30 hingga 80 tahun. Usia 'pua sungkit' yang paling baru adalah 30 tahun kerana responden tersebut membuatnya sendiri bukan diwarisi seperti informan yang lain. Bagi tenunan 'sungkit' yang baru ataupun moden, ia berusia dalam lingkungan 20 hingga 60 tahun. Ini kerana pengkaji mengambil kira umur dan masa yang digunakan oleh kesemua informan dalam menghasilkan tenunan yang mereka hasilkan sendiri. Majoriti informan yang membuat sendiri 'pua sungkit' ini berumur dalam lingkungan 13 hingga 20 tahun semasa mereka baru belajar membuatnya. Selain daripada itu, terdapat perbezaan dari segi masa yang digunakan dalam menghasilkan tenunan 'sungkit' ini.

Peralatan yang digunakan bagi membuat tenunan 'sungkit' digelar 'bantang' yang diperbuat daripada kayu. Antara kelengkapan lain adalah 'empaut' (sebagai sokongan yang dipakai di bahagian pinggang), 'rakup' (sekeping kayu yang digunakan sebagai lapisan bawah pakan), 'ripang' (benang yang diletakkan pada sekeping kayu dan digunakan sebagai pakan yang dimasukkan dari arah kanan ke kiri), 'tendai' (sama seperti rakup tetapi diletakkan pada bahagian atas pakan), 'belia' (alat yang digunakan bagi merapatkan benang atau corak tenunan), 'tuil' (diperbuat daripada besi dan digunakan sebagai alat mengetatkan tenunan), 'lidi' (digunakan untuk membuat ruang bagi corak yang dihasilkan), 'sulat' (diperbuat daripada tulang binatang dan digunakan sebagai alat untuk mencungkil benang), 'tachu' (diperbuat daripada kelapa dan digunakan sebagai bekas menyimpan benang) dan 'ubong' (benang). 'Bantang' yang digunakan adalah sama bagi setiap tenunan, yang membezakannya adalah cara pembuatannya.

Selain daripada menghasilkan tenunan 'sungkit' ini, hanya dua orang informan sahaja yang ada menghasilkan tenunan Iban yang lain seperti tenunan 'kebat' dan tenunan 'pilih'. Dua orang informan ini menyatakan bahawa mereka telah membuat tenunan 'kebat' dan tenunan 'pilih' ini sebelum belajar membuat tenunan 'sungkit'. Manakala bagi informan yang lain mereka menyatakan bahawa mereka ada membuat tenunan lain seperti tenunan 'sidan'. Selain menghasilkan 'pua', mereka turut membuat baju, kain, 'sirat' (salah satu kelengkapan 'ngepan Iban' bagi lelaki yang bertindak sebagai seluar) dan 'selampai' (salah satu kelengkapan 'ngepan Iban' bagi wanita yang dipakai di bahagian dada) menggunakan kesemua jenis tenunan tersebut.

Selain daripada 'pua sungkit', informan turut menghasilkan tenunan 'sungkit' yang lain mengikut trend semasa. Terdapat dua trend semasa yang dinyatakan. Pertama adalah membuat sulaman yang menyerupai tenunan 'sungkit' seperti 'selampai' dan alas meja. Kedua adalah menghasilkan pelbagai tenunan 'sungkit' yang lain seperti baju, selampai, kain dan sirat. Majoriti daripada mereka menghasilkan baju dan sirat untuk suami dan anak lelaki mereka.



Penti Pemali dan Adat

Dahulu kala, proses pembuatan tenunan ini tidak boleh diambil mudah. Ini kerana ia dikatakan boleh mendatangkan kemudaratan jika dihasilkan tanpa mematuhi penti pemali (pantang larang) yang dikenakan. Bagi informan yang berumur dalam lingkungan 70 tahun, mereka menyatakan bahawa zaman nenek moyang mereka dahulu, mereka dikehendaki menjalankan upacara miring (upacara ritual) terlebih dahulu sebelum memulakan proses menenun. Namun demikian, terdapat beberapa orang informan yang pernah dan sempat mengikuti upacara miring tersebut. Mereka menyatakan bahawa adat yang dikenakan bergantung kepada status tenunan yang mereka pinjam sama ada sebagai rujukan atau panduan mereka dalam menghasilkan tenunan tersebut. Bagi mereka yang baru belajar dan baru menceburi bidang tenunan ini, mereka tidak digalakkan untuk meniru atau meminjam tenunan bestatus tinggi tersebut.

Ritual yang dilakukan semasa proses menenun bertindak sebagai kebergantungan hubungan mereka dengan Petara tetapi juga bagi memastikan adat resam mereka sentiasa terpelihara. Masyarakat Iban terutamanya kaum wanita pada zaman dahulu mestilah melakukan ritual terlebih dahulu sebelum memulakan proses menenun. Ritual yang dilakukan adalah dengan menyediakan satu piring sebagai persembahan kepada Petara. Upacara miring ini dilakukan bagi meminta keizinan daripada Petara dan bagi memastikan ia tidak membawa kemudaratan kepada individu tersebut dan ahli keluarganya. Lima orang informan menyatakan terdapat beberapa pantang larang yang dikenakan semasa mereka menghasilkan tenunan tersebut. Antaranya adalah melalui ritual seperti 'bedara' iaitu dengan menyediakan piring sembilan sirih. Mimpi juga turut mempengaruhi penghasilan suatu tenunan tersebut. Di antara larangan yang didapati daripada mimpi tersebut mengatakan bahawa mereka tidak boleh menggunakan warna benang tertentu ataupun tidak boleh menghasilkan corak atau motif tertentu. Jika pantang larang itu dilanggar, maka si penenun dikhuatiri akan mendapat kecelakaan sehingga boleh mengorbankan nyawa mereka.



Dalam buku Teori Budaya (1999, hlm. 103-104) menjelaskan bahawa ekologi-budaya mendapat inspirasi daripada wawasan jangka panjang manusia, yang memperlihatkan manusia sebagai hasil unik dari evolusi biologi. Keunikkan tersebut menunjukkan bahawa manusia mampu menyesuaikan diri atau mengubah persekitarannya dengan cara yang berbeza berbanding makhluk yang lebih rendah iaitu infrahuman. Ekologi-budaya tidak hanya membicarakan tentang interaksi bentuk-bentuk kehidupan dalam suatu ekosistem tertentu, malah membicarakan tentang cara manusia memanipulasi dan membentuk ekosistem mereka sendiri. Oleh sebab itu, dengan adanya agama pada masa sekarang, ritual yang dahulunya diamalkan oleh masyarakat Iban tidak lagi dipraktikkan. Seramai sembilan orang informan mengatakan bahawa pada masa sekarang ritual tersebut tidak lagi diamalkan. Namun demikian, terdapat segelintir penenun yang masih mengamalkan pantang larang tersebut pada masa kini. Mereka menyatakan bahawa upacara ritual itu dilakukan apabila mereka mendapat corak tenunan baru melalui mimpi. Upacara ritual tersebut dipersembahkan dengan piring. Piring yang disediakan bergantung kepada status tenunan yang akan dihasilkan. Semakin tinggi nilai serta status tenunan tersebut, maka penyediaan piring adalah semakin besar. Bagi responden lain yang tidak mengamalkan upacara ritual tersebut, mereka membuat tenunan tersebut seperti biasa. Ini kerana mereka telah mempunyai agama dan menuruti ajaran agama masing-masing. Mereka percaya bahawa penghasilan tenunan ini tidak akan mengganggu kesejahteraan dan keselamatan mereka. Mereka kini menganggap bahawa bidang tenunan ini lebih kepada hobi dan salah satu cara bagi mengisi masa lapang mereka di rumah.

Fungsi atau kegunaan

Dalam kehidupan masyarakat Iban, 'pua kumbu' diketahui mempunyai pelbagai fungsi dan kegunaan. Teori Budaya (1999, hlm. 108) yang ditulis oleh David Kaplan & Albert A. Mannings mengatakan bahawa lingkungan operasional berada dalam lingkungan budaya, kerana ia merupakan satu produk campur-tangan dan perubahan budaya dan adaptasinya terhadap sistem-sistem budaya lain yang mana sedikit sebanyak mempengaruhi budaya masyarakat tersebut. Jika zaman dahulu, kegunaan 'pua' adalah sebagai salah satu kelengkapan 'ngepan Iban' dan kelengkapan ritual, sekarang ia mempunyai pelbagai





fungsi seiring dengan peredaran masa. Namun demikian, masyarakat Iban di Batang Ai menjelaskan bahawa 'pua sungkit' juga dikatakan mempunyai fungsi dan kegunaan yang sama dengan 'pua kumbu'.

Seramai 10 orang informan pula mengatakan bahawa ia dijadikan sebagai perhiasan di dalam rumah. Sembilan orang informan mengatakan 'pua sungkit' digantung di 'ruai' semasa suatu perayaan berlangsung seperti di majlis perkahwinan, 'mangkung tiang', lawatan dari pihak luar ke rumah panjang dan majlis kesyukuran. Enam orang informan menjelaskan bahawa 'pua sungkit' digunakan semasa Hari Gawai berlangsung. Tiga orang informan mengatakan bahawa 'pua sungkit' adalah sebagai warisan keluarga mereka manakala seorang informan mengatakan 'pua sungkit' digunakan sebagai kelengkapan semasa terdapat perayaan.

Perkara yang berkaitan

Buku Art Theory An Historical Introduction (2009, hlm. 2) menyatakan bahawa seni bukanlah kategori semulajadi tetapi pembinaan suatu budaya, (asas yang tidak tetap atau stabil dan bergantung kepada penamaan dan pembuatan semula) yang mana latihan dan idea yang dirasakan bersesuaian dipilih dan diadaptasi mengikut trend atau keperluan semasa. Pada masa sekarang, terdapat satu trend yang menjadi ikutan para penenun ini. Mereka membuat sulaman dengan menggunakan kain sulam dan pelbagai benang. Mereka yang berkemahiran tinggi pula mencetak motif dari 'pua sungkit' dan membuatnya di atas kain sulaman tersebut. Mereka berpendapat bahawa aktiviti menyulam ini lebih cepat dan senang dihasilkan.

Majoriti daripada informan yang terlibat dengan sesi temubual ini menyatakan bahawa 'pua sungkit' ini masih wujud pada masa hadapan meskipun jumlahnya berkurangan. Dua orang informan pula mengatakan bahawa ia akan pupus manakala dua orang lagi memberikan jawapan tidak pasti. Aktiviti menenun terutamanya tenunan 'sungkit' kini telah diadaptasikan kepada sulaman. Walaupun terdapat segilintir penenun yang masih menghasilkannya secara tradisional, namun kebanyakan kaum wanita Iban sekarang lebih memilih sulaman kerana cara pembuatannya lebih senang dan cepat. Informan terlibat mengetahui status penghasilan 'pua sungkit' tersebut pada masa kini. Mereka arif tentang bilangan individu yang menghasilkan tenunan 'pua sungkit' tersebut. Seramai lapan orang mengatakan bahawa 'pua sungkit' yang mereka hasilkan adalah sebagai tatapan atau kenangan kepada anak-anak dan cucu-cicit mereka. Dua orang informan mengatakan ia dijadikan sebagai simpanan. Dua orang informan pula berharap supaya generasi baru sekarang menunjukkan minat pada bidang tenunan tersebut. Seorang informan mengatakan bahawa beliau bersedia menjadi tenaga kerja manakala selebihnya berharap supaya ia menjadi sumber pendapatan kepada keluarga mereka.

PERBINCANGAN

Perbincangan kajian ini menjelaskan secara ringkas mengenai objektif kajian yang diutarakan bagi menjawab kehendak tajuk kajian. Ia melibatkan tiga objektif utama kajian iaitu pertama, mengenalpasti 'Pua sungkit' asal Iban di Batang Ai, kedua adalah meneliti fungsi-fungsi 'pua sungkit' dalam kehidupan masyarakat Iban, dan ketiga ialah menganalisis perubahan dalam penghasilan tenunan 'sungkit'. Setiap objektif kajian tersebut dibincangkan secara lebih mendalam.

Koleksi 'Pua Sungkit' Asal

Didapati bahawa majoriti keluarga Iban di Kawasan kajian tidak lagi menyimpan koleksi 'pua sungkit' asal kerana atas beberapa sebab. Antaranya ialah ada koleksi atau simpanan yang telah musnah akibat kebakaran, koleksi lama dirosakkan oleh anai-anai, lipas atau tikus, kebanyakan generasi baru tidak terdedah atau kurang berminat terhadap pembuatan 'pua sungkit' ini.



Fungsi 'Pua Sungkit' dalam kehidupan masyarakat Iban di Batang Ai



Rajah 5.1 Fungsi 'Pua Sungkit'

Berdasarkan rajah tersebut, pengkaji mendapati majoriti masyarakat di sini menggunakan tenunan 'sungkit' sebagai pengganti 'pua kumbu'. Penduduk di kawasan Batang Ai ini memilih tenunan 'sungkit' berbanding 'pua kumbu' kerana ia nampak lebih terang, cantik dan menarik. Bagi mereka yang memiliki banyak koleksi atau simpanan tenunan 'sungkit', kesemua perhiasan di dalam rumah seperti alas meja, alas kerusi dan langsir digantikan dengan tenunan 'sungkit'. 'Pua sungkit' pula digunakan sebagai langsir atau digantung di dinding semasa terdapat sebarang perayaan. Bagi 'pua sungkit' atau 'pua kumbu' yang dijadikan sebagai hiasan, ia diletakkan dalam bingkai kaca dan digantung di dinding rumah. Semasa terdapat perayaan seperti Hari 'Gawai Dayak' atau perayaan lain seperti 'Gawai Antu', 'Gawai Kenyalang' dan majlis perkahwinan, 'pua sungkit' ini digantung di dinding 'ruai'. Bagi upacara ritual pula, 'pua kumbu' selalunya dijadikan sebagai salah satu kelengkapan persembahan. 'Pua sungkit' dijadikan salah satu kelengkapan 'bedara' dan turut digunakan semasa menyambut 'antu pala' (kepala musuh yang telah dipenggal). Ia juga dijadikan alas untuk meletak 'piring' (pinggan untuk meletak sajian) semasa ritual 'miring' (berdoa kepada 'Petara') dilakukan. Majlis perkahwinan turut menggunakan 'pua sungkit' sebagai salah satu kelengkapannya. Selain digantung di dinding dan dijadikan sebagai pelamin, ia turut dijadikan sebagai salah satu hantaran perkahwinan.

Perubahan dalam penghasilan 'pua sungkit' asal dan baharu

'Pua sungkit' asal seperti yang mereka nyatakan adalah 'pua sungkit' yang dihasilkan oleh nenek moyang mereka dahulu kala. Ia juga dikatakan menggunakan beberapa warna dan benang sahaja. Walau bagaimanapun mereka menyatakan tidak ada sebarang perbezaan dalam cara menghasilkannya. Majoriti responden dan informan yang terlibat menyatakan bahawa cara pembuatan 'pua sungkit' asal dan 'pua sungkit' baharu adalah sama. Ini kerana peralatan dan cara membuatnya adalah sama. 'Pua sungkit' baharu pula dikatakan dihasilkan mengikut trend semasa. Ia menggunakan pelbagai benang yang berwarna-warni. Motif atau corak yang dihasilkan pula lebih kepada kreativiti masing-masing. Namun demikian, penghasilan corak atau motif lama masih juga diteruskan.

Namun demikian, terdapat sedikit perbezaan pada 'pua sungkit' baharu yang dihasilkan pada masa sekarang. Rata-rata responden dan informan menyatakan bahawa terdapat perbezaan pada benang, corak dan warna yang digunakan. Benang yang digunakan pada masa dahulu adalah terbatas dan kualiti benang agak kasar berbanding sekarang. Manakala warna benang yang digunakan pada masa dahulu adalah hitam, merah dan putih sahaja. Sekarang terdapat kepelbagaian warna dan kualiti benang yang bersesuaian dengan 'pua sungkit' yang dihasilkan. Corak atau motif yang dihasilkan sekarang lebih menarik dan terang kerana gabungan pelbagai warna. Corak dan motif yang dihasilkan sekarang lebih kepada kreativiti dan mengikut peredaran semasa. Namun begitu, masih terdapat segelintir penenun

yang masih mengekalkan motif dan corak asal tenunan 'pua sungkit' tersebut. Yang membezakannya hanyalah warna dan ukuran yang digunakan dalam menghasilkannya semula.

CADANGAN

Berdasarkan dari perbincangan tersebut, pengkaji ingin mengutarakan beberapa cara atau cadangan yang dirasakan sesuai atau patut dijalankan sama ada oleh setiap individu mahupun pihak kerajaan. Cadangan ini bertujuan bagi mengekalkan kewujudan dan menanam minat golongan muda sekarang terhadap hasil kraftangan kaum mereka sendiri. Cadangan tersebut adalah seperti di dalam Rajah 5.3 dibawah.



Rajah 5.3 Cadangan yang diutarakan

Implikasi bagi cadangan lanjutan, pengkaji mengutarakan empat pandangan atau cadangan sebagai penyelesaian pada masalah kekurangan tenunan atau 'pua sungkit' tersebut. Cadangan yang diutarakan adalah menjadikan seni tenunan sebagai salah satu subjek elektif di bawah kluster ERT dan diajar di sekolah-sekolah seluruh Sarawak, menyediakan satu tempat latihan, mengambil tenaga pakar sebagai pelatih dan membina platform secara atas talian bagi golongan tersebut untuk memaparkan dan memasarkan hasil tenunan mereka. Selain itu, media sosial seperti Facebook dan Instagram juga boleh dijadikan sebagai medium pemasaran.

KESIMPULAN

Objektif kajian yang menitik beratkan koleksi, fungsi dan perubahan dalam penghasilan 'pua sungkit' ini telah dibincangkan secara menyeluruh. Majoriti daripada penduduk Iban di kawasan kajian tidak lagi menyimpan koleksi 'pua sungkit' kerana telah musnah dalam kebakaran, dirosakkan oleh serangga dan kurangnya minat di kalangan generasi muda dalam meneruskan tradisi ini. Bagi penduduk atau masyarakat yang masih memiliki koleksi ini, ia dijadikan sebagai pengganti 'pua kumbu', kelengkapan 'bedara', perhiasan rumah, digantung di 'ruai' semasa perayaan dan dijadikan sebagai barang hantaran perkahwinan. Bagi mengekalkan tradisi ini, pengkaji mencadangkan supaya tenunan 'pua sungkit' ini dijadikan sebagai salah satu subjek elektif di sekolah-sekolah di Sarawak, membuka satu tempat latihan dengan melantik penenun mahir sebagai pelatih dan membina satu platform atas talian bagi memasarkan produk tersebut. Rujukan dari pakar yang terdiri daripada mereka yang berpengalaman dan bekemahiran dalam bidang tenunan 'pua sungkit' akan menyempurnakan instrumen ini. Kebolehpercayaan instrumen ini nanti akan dibuktikan melalui kajian rintis dan dinilai dengan alfa Cronbach untuk menunjukkan tahap koefisien kebolehpercayaan yang tinggi. Seramai lima puluh orang responden dan empat belas orang informan terlibat dalam kajian ini. Berdasarkan metodologi tersebut, pengkaji dapat mengumpul dan menganalisis data untuk dijadikan sebagai dapatan kajian. Melalui

dapatan kajian tersebut, pengkaji dapat membuat perbincangan, rumusan dan cadangan bagi menyokong tajuk kajian. Kesimpulannya, pengkaji merasakan bahawa seni dan budaya memainkan peranan yang penting dalam penghasilan tenunan 'sungkit' ini. Bertitik tolak dari seni itulah maka wujudnya suatu simbolik budaya yang mengikut perubahan semasa.

RUJUKAN

Augustine Anggat Ganjing. (1991). *Asas Ukiran Iban Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Barbara Leigh. (2000). *The Changing Face Of Malaysian Crafts Identity, Industry, And Ingenuity*. Singapore. Oxford University Press.

Dalilah Mohd Rubi, Suriani Mohamed, Ridzwan Che' Ros, Nor Asimah Zakaria. (2012). *Pola Pemilihan Rekaan Dan Produk Batik Malaysia Dalam Kalangan Remaja*: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Datin Amar Margaret Linggi. (2001). *Ties that Bind:Iban ikat weaving*.(2nd ed.). Kuching: The Tun Jugah Foundation.

David Kaplan., & Albert A. Manners. (1999). *Teori Budaya*. Yogyakarta. Pustaka Pelajar.

Devourie Gail., & Lorita Jeros. (2007). *Motif Iban Dalam Pengaplikasian Seni Tampak Di Malaysia*. Kuching: Universiti Malaysia Sarawak.

Dewan Bahasa Dan Pustaka. (1989). *Kamus Bahasa Iban – Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Dewan Bahasa Dan Pustaka. (2010). *Kamus Dewan.(Edisi Keempat)*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Edric Ong. (1996). *Pua Iban Weavings Of Sarawak*. Kuching. Society Atelier Sarawak.

Grant Pooke., & Diana Newall. (2008). *Art History The Basics*. New York. Routledge.

Heidi Munan. (1989). *Images Of Asia Sarawak Crafts Methods, Materials, And Motifs*. Singapore. Oxford University Press.

Heribert Amann. (2013). *Textiles From Borneo: Iban Kantu Ketungau and Mualang Peoples*. Milan: 5 Continents Editions.

Janet Rata Noel. (2016). "Pua Kumbu And The Politics Of Heritage" dlm *Ngingit* (Issue 7 February). Kuching: The Tun Jugah Foundation.

Jimbun Tawai. (2013). *Ngepan Asal Iban*. Kuching. Yayasan Kebudayaan Dayak.

Joseph Fischer. (1979). *Threads Of Tradition: Textiles Of Indonesia And Sarawak*. California: University Of California.

Karol Berger. (2000). *A Theory Of Art*. New York. Oxford University Press.

Kim Jane Saunders. (1997). *Contemporary Tie And Dye Textiles Of Indonesia*. Singapore: Oxford University Press.

Lydia Van Gelder. (1980). *Ikat*. New York: Watson-Guption Publications.

Nalong Buda., & Johnny Chuah. (2009). *Iban Pegai Rajah Brooke*. Bintulu. Pegari Iban Production.

Noria Tugang. (2014). *Pua Identiti Dan Budaya Masyarakat Iban*. Kota Samarahan: Penerbit Universiti Malaysia Sarawak.

- Norwani Mohd. Nawawi. (1994). *Malaysian Songket*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zahuri Khairani, Mohammad Rusdi Mohd Nasir. (2012). *Repositioning Pua Kumbu And Batik Through Artistic Practice : Globalising The Local By Drawing Upon Diverse Malaysian Cultural Forms*: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Zahuri Khairani. (2011). *Contemporary Art, Craft And Hybridity: Malaysian Encounters And Responses*: Sheffield Hallam University.
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. (1999). *A Malaysian Touch Textiles For The New Millenium An Inaugural Edition*. Kuala Lumpur. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Philip Langie. (2016). "Kategori Indu Iban Dulu Menya" dlm *Ngingit* (Issue 7 February). Kuching: The Tun Jugah Foundation.
- Rafeah Buang. (2008). *Kain tenun Pahang*. Pahang Darul Makmur: Lembaga Muzium Negeri Pahang.
- Robert Williams. (2009). *Art Theory An Historical Introduction*. (2nd Ed.). United Kingdom. Wiley-Blackwell.
- Roger M. Keesing (1974). *Theories Of Culture*. Canberra: Institute Of Advanced Studies Australia.
- Savitri Suwansathit. (2002). "Thai Textiles: An Asean Cultural Heritage" dlm *From Loom To Computer*. COCI: Asean Committee On Culture And Information.
- Shirley Vilin Ikok. (2016). "Nentuka Nama Enggau Pejuluk Buah Pua Kumbu" dlm *Ngingit* (Issue 7 February). Kuching: The Tun Jugah Foundation.
- Sumandiyo Hadi (2012). *Mapping Teori Seni*. Yogyakarta: Institut Seni Indonesia.
- Suwati Kartiwa. (1986). *Kain Songket Indonesia Songket Weaving In Indonesia*. Jakarta: Penerbit Djambatan.
- Suwati Kartiwa. (1989). *Tenun Ikat Indonesian Ikats*. (2nd ed.) Jakarta: Penerbit Djambatan.
- Sylvia Fraser-Lu. (1988). *Handwoven Textiles Of South – East Asia*. Singapore. Oxford University Press.
- The E.M. Bakwin Collection At The Art Institute Of Chicago. (2007). *The Art Of Indonesian Textiles*. Chicago: The Art Institute Of Chicago.
- Traude Gavin. (2004). *Iban Ritual Textiles*. Singapore: Singapore University Press.
- Tun Jugah Foundation. (1994). *Handy Reference Dictionary Of Iban And English*. Kuching. Tun Jugah Foundation Publication Series.
- Wendy Mee. (2010). *A Traffic In Songket: Translocal Malay Identities In Sambas*. Singapore: The National University Of Singapore.